

**KEUNIKAN DAN KEINDAHAN BAHASA AL-QUR’AN, Oleh Mohd Zain Mohmood, 2015**, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. Halaman 272. ISBN 978-983-46-1145-3.

Buku Keunikan dan Keindahan Bahasa Al-Qur'an merupakan sebuah tulisan yang menyumbang ke arah peningkatan keyakinan Mukjizat Agung Al-Quran Al-Karim melalui kupasan dan perbincangan menarik berkenaan keindahan Bahasa Al-Quran dalam aspek huruf, perkataan dan surah. Buku ini merupakan satu sumbangan ilmiah dari salah seorang pakar dalam ilmu linguistik Arab, iaitu Dr Hj Mohd Zain Bin Mohmood. Beliau merupakan pensyarah Bahasa Arab di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, sebelum berhijrah ke Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam. Penulisan buku ini dihasilkan semasa beliau bertugas sebagai Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Arab, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), selepas memutuskan untuk tidak menyambung kontrak perkhidmatan di UNISSA.

Buku ini ditulis sebagai salah satu sumbangan ilmiah terhadap Mukjizat Agung Al-Qur'an Al-Karim, selaras dengan definisi ulamak terhadap Al-Qur'an, iaitu "Kalam Allah SWT yang mempunyai mukjizat, yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, yang diriwayatkan secara mutawatir serta dikira sebagai ibadah dengan membacanya". Antara tanda-tanda kemukjizatan Al-Qur'an ialah keunikan dan keindahan pada sudut huruf-hurufnya, perkataan-perkataannya, gaya bahasa, susunan ayat-ayatnya dan surah-surahnya. Penulis menyatakan bahawa sumbangan penulisan ini hanyalah secebis dari lautan keindahan bahasa Al-Qur'an yang tersangat luas dan mendalam.

Penulis membicarakan kemukjizatan Al-Qur'an dalam aspek keunikan dan keindahan bahasa dalam lima bab, iaitu Mukjizat Al-Qur'an, Huruf Al-Qur'an, Perkataan Al-Quran, Contoh Keindahan Penggunaan Bahasa daripada Surah Al-Qur'an serta Kesan dan Daya Tarikan Al-Qur'an. Pada bab pertama (m/s 1-51), penulis menerangkan mukjizat Al-Qur'an secara umum, merangkumi pengertian mukjizat, syarat-syarat dan sudut-sudut kemukjizatan Al-Qur'an. Bab ini juga membincangkan cabaran-cabaran daripada Al-Qur'an kepada golongan yang mengingkari kebenarannya, serta perbincangan berkenaan perbezaan bahasa Al-Qur'an dan bahasa Arab dalam penggunaan biasa, samada penulisan atau percakapan.

Penulis mendatangkan beberapa bukti sejarah berkenaan pengakuan daripada pujangga Arab tentang keindahan bahasa Al-Qur'an. Antaranya, pengakuan dari Al-Walid bin Al-Mughirah dan Uthbah bin Rabi'ah. Pengakuan ini jelas menunjukkan perbezaan ketara antara bahasa Al-Qur'an dan bahasa harian masyarakat Arab, bahkan tidak mungkin sama sekali adanya persamaan antara kedua-duanya. Perbezaan ini boleh dilihat dari beberapa aspek, antaranya dari sudut susunan (nazm), kesucian Al-Qur'an dari sebarang kecacatan, dari sudut pengulangan (tikrar) yang menambahkan keindahan bahasanya bukan seperti dalam penggunaan biasa, kefasihan bahasa Al-Qur'an sekalipun melibatkan penggunaan perkataan yang sukar atau jarang digunakan selain dari kefasihannya dalam semua aspek, sama ada berbentuk penceritaan kisah-kisah terdahulu, penjelasan hukum, perkhabaran syurga dan neraka dan sebagainya.

Bab ini juga menjelaskan bentuk cabaran Al-Qur'an terhadap golongan-golongan yang mengingkarinya, samada cabaran dalam bentuk umum atau khusus. Cabaran-cabaran ini, ternyata tidak mampu dijawab oleh mereka, bahkan manusia **seluruhnya**. Manusia

sememangnya tidak mampu untuk mendatangkan suatu perkara yang menyamai Al-Qur'an secara keseluruhannya, atau sebahagian dari surah-surahnya, atau sebahagian dari ayat-ayatnya kerana Al-Qur'an bukan datang dari Nabi Muhammad SAW, tetapi ia merupakan mukjizat kenabian yang dianugerahkan Allah SWT kepada Baginda SAW.

Bab kedua pula menyentuh berkenaan dengan keunikan dan keindahan bahasa Al-Qur'an pada sudut huruf-hurufnya, bermula dengan huraian keistimewaan huruf-huruf Al-Qur'an, sistem suara dan nada pada perkataaannya. Bab ini juga membicarakan tentang keunikan dan rahsia huruf-huruf yang digunakan pada permulaan surah seperti (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ), (طَسْم) dan sebagainya. Selain itu, penulis juga membincangkan aspek pengekalan dan pembuangan beberapa huruf tertentu dalam beberapa perkataan Al-Qur'an serta penggunaan huruf-huruf yang berlainan di tempat-tempat yang ada persamaan.

Apa yang menarik, penulis mengemukakan beberapa contoh berkenaan unsur irama dan nada huruf Al-Qur'an yang tidak dapat ditandingi oleh prosa dan puisi biasa. Unsur-unsur ini boleh dirasai dan dihayati pada setiap juzuk Al-Qur'an, pada setiap surah dan ayat-ayatnya. Antaranya huruf-huruf akhir yang terdapat pada ayat 22-25 Surah Al-Qiyamah, iaitu (نَصْرَة), (فَقْرَة) dan (بَاسِرَة). Begitu juga dengan huruf-huruf yang terbina dalam perkataan-perkataan akhir ayat 15-18 Surah Al-Takwir, iaitu (الْخَنْسُ) dan (عَسْعَنُ). Selain itu, susunan huruf dalam perkataan-perkataan tertentu dalam Al-Qur'an yang membentuk getaran-getaran menepati kehendak makna, seperti (يَتَجَرَّ عَهْ) yang menunjukkan kegelian dan kejijikan untuk meminum air nanah. Penulis telah mendatangkan 12 contoh yang sangat menarik untuk diteliti berkaitan dengan aspek ini.

Bab ini juga memperincikan perbincangan berkenaan permulaan surah-surah tertentu dalam Al-Qur'an dengan huruf-huruf. Terdapat tiga surah **ada** yang bermula dengan satu huruf, iaitu (ن) (ن), (س) (س) dan (ط) (ط), sembilan surah bermula dengan dua huruf, iaitu (ص) (ص), (م) (م) dan (س) (س), 13 surah bermula dengan tiga huruf, iaitu (ل) (ل) dan (طس) (طس), dua surah bermula dengan empat huruf, iaitu (أمر) (أمر) dan (أمس) (أمس), serta dua surah yang bermula dengan lima huruf, iaitu (كهيعص) (كهيعص) dan (حمسق) (حمسق). Penulis membincangkan rahsia permulaan surah-surah ini dengan huruf berdasarkan pandangan-pandangan ahli tafsir yang terkemuka seperti Sayyid Qutb, Imam As-Sya'rawi, Ibn Al-Qayyim dan sebagainya.

Berkenaan mengekal dan membuang huruf, antara yang dibincangkan dalam bab ini ialah huruf Ta' (ت) dalam perkataan (استطاعوا) ( تستطع ) dan ( استطاع ) , huruf Wau pada perkataan ( منها تأكلون ) ( منها تأكلون ) ( ومنها تأكلون ) dan ( فتح أبوابها ) ( وفتح أبوابها ) , huruf Ba' pada perkataan ( ولا تهنوأ ولا تحزنوا ) ( وبالذير ) ( والذير ) dan ( لا ) ( لا ) pada perkataan ( فلا تهنوأ وتدعوا ) ( من عزم الأمور ) ( من عزم الأمور ) serta huruf Lam pada perkataan ( ل ) ( ل ) dan ( لمن عزم ) ( لمن عزم ) . Pengekalan huruf-huruf ini atau sebaliknya dibincangkan dengan teliti dan berstruktur yang membantu pembaca dapat memahami dengan mudah, walaupun ianya bersifat ilmiah. Perkara-perkara yang menjadi persoalan utama pembaca, khususnya berkait dengan perbezaan antara kedua-duanya diberikan jawapan dengan jelas oleh penulis.

Penulis juga turut membincangkan berkenaan penggunaan huruf yang berlainan di tempat yang ada persamaan, seperti penggunaan (إلى) dan (على) pada perkataan (أنزل علينا) dan (أنزل إلينا) serta penggunaan (فِي) dan (مِن) pada perkataan (وارزقهم منه) dan (وارزقهم فيها). Penggunaan

seperti ini, sudah tentu memerlukan kepada jawapan yang tepat, untuk memahaminya. Justeru, penulis telah merungkaikan dengan begitu jelas berkaitan penggunaanya, sekaligus membantu pemahaman lebih nyata tentang ayat-ayat yang berkaitan.

Dalam bab ketiga, penulis menghuraikan berkenaan keunikan dan keistimewaan perkataan Al-Qur'an, meliputi perbincangan tentang ketelitian pemilihan dan penggunaan perkataan Al-Qur'an di samping kupasan menarik dalam aspek *taqdim* (mendahulukan) dan *ta'khir* (mengakhirkan/mengkemudiankan) perkataan Al-Qur'an. Selain itu, aspek keiltizaman penggunaan perkataan Al-Qur'an turut dibincangkan bersama-sama dengan penggunaan *Fasilah* (perkataan di akhir ayat) serta *al-zikr* (pengekalan) dan *al-hazf* (pembuangan) beberapa perkataan Al-Qur'an dalam sesetengah ayat. Ketepatan penggunaan perkataan Al-Qur'an serta keserasian antara perkataan dan makna turut dibincangkan dalam sesetengah ayat. Apa yang menarik, bab ini juga membicarakan berkenaan fakta-fakta saintifik melalui perkataan-perkataan Al-Qur'an.

Penulis turut membincangkan tentang beberapa perkataan yang dianggap panjang, luar biasa dan ganjil dalam penggunaan biasa dalam kalangan masyarakat arab, tetapi apabila ianya digunakan di dalam Al-Qur'an, ianya menambahkan keindahan serta kefasihan *Bahasa* Al-Qur'an. Antara yang dimaksudkan ialah perkataan (ضيزي) dalam ayat 22, surah Al-Najm. Kedudukan perkataan ini seolah-olah memberi laluan kepada alunan suara yang membentuk tempo sebutan yang sangat indah. Begitu juga dengan perkataan seperti (ليستخلفهم) yang dianggap panjang serta perkataan (الذر) yang dianggap berat sebutannya, tetapi menjadi ringan dan lancar apabila berada dalam susunan perkataan Al-Qur'an.

Bab ini juga menyentuh berkenaan penggunaan perkataan yang seerti (taraduf), tetapi digunakan dalam situasi berbeza, yang menunjukkan terdapat perbezaan halus disebalik pengertianan yang kelihatan sama pada zahirnya. Sebagai contoh, penulis membincangkan perbezaan antara perkataan (الحلم) (الرؤيا). Kedua-dua perkataan ini, diterjemahkan sebagai mimpi dalam penggunaan bahasa Melayu. Al-Qur'an menggunakan kedua-dua perkataan ini dalam konteks yang berbeza, iaitu (الحلم) bagi menunjukkan mimpi yang kosong atau karut, manakala (الرؤيا) menunjukkan mimpi yang benar. Antara perkataan-perkataan lain yang dibincangkan berkaitan dengan penggunaan seperti ini ialah perkataan (يفعل) (يخلق) dan (يعلمون) (يعقلون), dan sebagainya.

Penggunaan perkataan pada akhir ayat Al-Qur'an (*Fasilah*) dibincangkan secara terperinci oleh penulis. Perbincangan ini sangat menarik, kerana ianya memberikan jawapan berkenaan kedudukan satu-satu perkataan pada akhir ayat. Antara perkataan yang diperhalusi penggunaannya ialah (تتقون) (تعقلون) dan (تذكرون) pada ayat 151-153 surah Al-An'am, perkataan (يسمعون) (يتعلمون) dan (يتفكرون) (لـالعـالـمـين) pada ayat 21-24 surah Al-Rum, perkataan (أفلا تـبـصـرـون) (أفلا تـسـمـعـون) pada ayat 71-72 surah Al-Qasas dan sebagainya. Penulis menghuraikan dengan teliti penggunaan fasilah ini, khususnya perkaitan dengan konteks perbincangan yang terkandung dalam ayat-ayat Al-Qur'an.

Antara yang menarik dalam bab ini, penulis turut menyentuh berkenaan ketepatan penggunaan perkataan Al-Qur'an dengan fakta saintifik. Antaranya fakta pengembangan alam buana melalui perkataan (لموسعون) (كانتـرـقا فـنـقـاهـما), fakta percantuman dan pemisahan antara langit dan bumi melalui perkataan (وأنزلـناـ الحـدـيد) (fakta sains mengenai besi melalui perkataan), fakta

sains tentang kadar hujan serta fakta sains mengenai proses kelahiran, melalui perkataan (نطفة), (علقة) dan (أحمر) (عظام), (مضغة). Penggunaan ini jelas menunjukkan perkataan Al-Qur'an, bukan sahaja berkaitan dengan perkara akidah, ibadah atau akhlak semata-mata, bahkan merangkumi pelbagai ilmu-ilmu duniaawi.

Pada bab keempat, penulis memaparkan contoh keindahan bahasa Al-Qur'an pada permulaan surah, dengan menjadikan ayat 1 hingga 11 Surah Al-Mukminun sebagai tumpuan perbincangan. Bab ini bukan sekadar memberikan huraian dalam aspek pemahaman ayat, bahkan menyentuh berkenaan aspek-aspek keindahan bahasa, dari sudut penggunaan kata nama berbanding kata kerja, seperti (فاعلون), (معرضون), (خاشعون) dan sebagainya. Penulis juga menekankan aspek *taqdim* (mendahulukan) dan *ta'khir* (mengakhirkan/mengkemudiankan) dalam ayat-ayat Al-Qur'an, seperti mendahulukan perkatan (في صلاتهم) dari (عن اللغو) (خاشعون) dan ayat-ayat berikutnya. Penulis juga membincangkan ketepatan pemilihan dan penggunaan perkataan dengan kehendak makna. Sumbangan penulisan ini, membawa pemahaman tambahan kepada ayat 1-11 surah Al-Mukminun ini, melalui perbahasan-perbahasan dalam aspek bahasa.

Bab yang terakhir membicarakan kesan dan daya tarikan Al-Qur'an yang menakjubkan dalam jiwa dan sanubari individu yang mendengar, memerhati dan membacanya. Penulis mendarangkan beberapa pengakuan ulama terdahulu dan mutakhir berkaitan kemukjizatan Al-Qur'an yang memberikan kesan kepada mereka yang membaca, mendengar atau meneliti, iaitu Imam Al-Khattabi (era mutakhir) dan Sayyid Qutb (terdahulu). Penulis juga menjelaskan bahawa orang-orang kafir, sekalipun mereka terhijab daripada terkesan dengan Al-Qur'an, hakikatnya mereka sebenarnya sangat mengetahui kesan dan daya tarikannya. Justeru, mereka sentiasa menyeru agar tidak mendengar akan Al-Qur'an atau mlarang daripada mendengarnya kerana bimbang akan terpengaruh dengan Al-Qur'an. Bab yang terakhir ini diakhiri dengan contoh hati dan jiwa yang terkesan dengan Al-Qur'an dari golongan kafir seperti Abu Sufyan (Saqr Ibn Harb), Abu Jahal (Amru Ibn Hisham) dan al-Akhnas ibn Syuraiq dan lain-lainya. Penulis mendarangkan kisah Sayyidina Umar Al-Khattab sebagai contoh dalam golongan mukmin.

Secara umumnya, penulisan buku ini sangat menarik kerana ia berhasil melalui nilai intelektual dan kepakaran penulis dalam bidang kemukjizatan Al-Qur'an dan Bahasa Arab. Walaupun perbincangan buku ini bersifat ilmiah, tetapi ia disampaikan kepada pembaca dengan cara yang mudah difahami dan jelas. Setiap persoalan yang dibincangkan menarik minat pembaca untuk mengetahui rahsia atau hikmah di sebaliknya, khususnya yang berkait dengan huruf-huruf dan perkataan-perkataan Al-Qur'an. Penulis juga menghasilkan karya ini melalui gabungan rujukan-rujukan yang bersifat turath dan semasa dalam bidang kepakaran masing-masing.

Dalam aspek yang lain, ada beberapa perkara yang boleh ditambah baik dan dikembangkan dari penulisan buku ini. Antaranya penambahan aspek keunikan dan keindahan Bahasa Al-Qur'an dalam uslub (frasa) yang dilihat sangat relevan untuk disekalikan perbincangan bersama huruf dan perkataan. Penulis juga disarankan untuk menlit semula berkenaan subtopik keseimbangan bilangan kosa kata perkataan Al-Qur'an (m/s: 198), kerana berdasarkan penilitian yang dibuat, seperti ada sedikit ralat pada apa yang dinyatakan. Buku ini juga dilihat ada keperluan untuk diakhiri dengan rumusan atau kesimpulan sebagai penutup kepada perbincangan keseluruhan.

Sebagai kesimpulannya, buku ini sangat sesuai untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan khususnya dalam memahami kemukjizatan Al-Qur'an Al-Karim dalam aspek keindahan bahasanya, lebih-lebih lagi ia menjadi sumber rujukan dan panduan utama umat Islam seluruhnya.

**Md Noor Bin Hussin**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)